

02/04/2000

Kestabilan Kemboja jamin peluang pelaburan

MALAYSIA pernah dikritik kerana terlalu mendesak supaya mempercepatkan kemasukan Kemboja menjadi anggota Asean ke-10, pada April tahun lalu, sedangkan negara itu dikatakan belum stabil. Sehingga ini, jumlah pelaburan Malaysia di negara itu adalah yang tertinggi berbanding negara lain. Bagaimanapun, beberapa masalah dalaman seperti kerenah birokrasi dan rasuah menyebabkan ada syarikat yang terpaksa menarik diri. Wartawan Berita Minggu, Zainudin Isa yang melawat Kemboja baru-baru ini sempat menemu bual Duta Besar Malaysia di Phnom Penh, Datuk Ahmad Anuar Abdul Hamid, bagi mendapatkan penjelasannya.

Boleh Datuk jelaskan mengenai perkembangan politik dan ekonomi Kemboja kebelakangan ini?

Saya baru sampai di sini lebih kurang enam bulan. Sepanjang tempoh itu, saya dapati keadaan politik di sini amatlah baik. Saya dapati sebelum ini, kalau dilihat sejarah kerajaan Kemboja selama 10 tahun lalu, keadaan sememangnya tidaklah menggalakkan, terutama kalau kita hubungkan dengan pelaburan ataupun minat ahli perniagaan menceburi sektor ekonomi. Kita dapati sepanjang 10 tahun lalu, hanya dua tahun lalu keadaan politik baru stabil. Selepas 1997 (konflik), keadaan di sini semakin baik.

Mungkin ada pihak yang masih belum yakin ketidaktentuan politik di sini, terutama selepas meletusnya kekacauan pada 1997.

Memang benar keadaan politik Kemboja amatlah penting untuk mereka membangunkan Kemboja. Selepas Kemboja diterima menjadi anggota Asean ke-10, kita dapati keadaan politik di sini menjadi begitu stabil. Mungkin juga kita dapati keadaan ini dipaksakan kerana kalau kita lihat tanpa ada keadaan politik stabil, mereka akan terus terkebelakang. Sebab itu sebagai sebuah negara yang baru muncul atau sebuah negara yang baru mengubah sistem ekonomi kepada satu sistem pasaran bebas, mereka tidak dapat menahan daripada keperluan untuk berubah supaya mereka dapat bersaing dengan dunia luar, terutama dalam Asean sendiri. Kita juga dapati selepas 2010, sekiranya mereka tidak dapat membangunkan negara ini, atau keadaannya masih sama tahapnya seperti dahulu di mana kita dapati masih terdapat pergaduhan di antara kedua-dua parti, mereka tidak akan dapat melangkah ke hadapan.

Apa perubahan yang amat positif yang dibuat kerajaan Kemboja sejak memasuki Asean?

Daripada apa yang dilihat sejak dua tahun lalu keadaan amat jauh berubah. Ini adalah satu faktor yang amat baik, amat berguna dalam usaha mereka untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa atau sebagai kerajaan ekonomi. Walaupun begitu, kita dapati untuk melangkah ke hadapan dan membangun semula ekonomi mereka yang kucar-kacir dulu atau sepanjang mereka dalam tempoh peralihan, kita dapati banyak masalah seperti perundangan, perdagangan atau masalah untuk memperkenalkan undang-undang yang sesuai bagi menarik pelabur luar.

Saya tidak nampak keadaan yang lampau akan berlaku lagi. Ini kerana mereka tidak dapat lagi untuk terus bertelingkah di antara kedua-dua parti terbesar di sini, kerana ini akan terus merugikan negara mereka sendiri yang sudah jauh tertinggal berbanding jiran mereka yang lain. Dari segi perundangan, terutama yang berkait rapat dengan pelaburan, kerajaan Kemboja nampaknya sedang mengambil usaha yang positif. Berilah kepada mereka keyakinan dan kesempatan untuk menunjukkan kepada dunia luar bahawa mereka serius dalam usaha membangunkan negara.

Sebelum kita sentuh lebih jauh soal pelaburan, bagaimana hubungan Kuala Lumpur dan Phnom Penh pada masa sekarang?

Kalau dilihat aspek ini, ini adalah dasar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau dasar kerajaan Malaysia untuk membangunkan rakan kita. Ini memanglah polisi yang amat baik kerana kalau kita dapati negara jiran itu amat makmur dan ekonominya membangun ia boleh mewujudkan satu keadaan win-win situation kepada kita dan negara jiran lain. Ia membawa satu pasaran baru kepada barangan Malaysia. Adalah menjadi kewajipan kepada kita untuk membangun mereka supaya Kemboja tidak terlalu tercicir. Saya dapat katakan hubungan amatlah baik kerana Dr Mahathir dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen juga saling bertemu dan berbincang. Sememangnya, Dr Mahathir sendiri memberi minat yang tinggi untuk membantu Kemboja membangunkan semula ekonominya. Jadi, kita lihat apabila Hun Sen menulis surat baru-baru ini meminta jasa baik Dr Mahathir untuk membantu menghantar satu kumpulan membantu mereka menggubal satu program membangunkan semula ekonomi mereka, Dr Mahathir nampaknya dalam masa yang singkat memberi satu keputusan yang positif. Insya-Allah dalam masa seminggu dua ini, satu kumpulan diketuai Ketua Pengarah Ekonomi dan Perancangan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan sampai ke Phnom Penh untuk melihat cara yang baik menggubal satu pelan induk untuk membangun Kemboja. Hubungan Kuala Lumpur-Kemboja sejak lawatan pertama Dr Mahathir sejak 1994, sampai sekarang beliau masih berusaha menggalakkan lebih banyak pelaburan datang ke Kemboja.

Kalau ditinjau proses kemasukan Kemboja dalam Asean, Malaysia banyak mengenakan desakan. Adakah selepas penyertaan Kemboja, hanya Kuala Lumpur sahaja yang banyak memainkan peranan, khususnya menghantar pelaburan ke Kemboja?

Tidak. Kita lihat di kalangan negara lain seperti Vietnam, Thailand, Laos dan Myanmar, mereka menerima hakikat bahawa apa yang kita buat itu adalah untuk kebaikan bersama. Kalau kita tidak memulakannya, keadaan menjadi lebih sukar lagi. Tidak hairanlah apabila kita menjadi sebuah negara yang menyokong kuat supaya Kemboja menjadi ahli Asean secepat mungkin, matlamatnya ialah untuk memberi keyakinan baru kepada mereka. Kalau kita melambatkan proses ini, ia akan melambatkan proses pembangunan semula ekonominya. Jadi saya rasa dasar kita mulakan itu sudah menampakkan hasil.

Bagaimana dengan kedudukan pelaburan Malaysia?

Kalau kita lihat nilai pelaburan Malaysia sejak Disember 1999, kita masih lagi pelabur yang utama. Pelaburan kita meliputi kira-kira 33.1 peratus daripada jumlah keseluruhan pelabur asing yang memasuki Kemboja. Berbanding Taiwan, China, Thailand dan Singapura, kita masih ditangga pertama dengan jumlah pelaburan hampir RM1.8 bilion. Kebanyakan pelaburan kita masih tertumpu kepada sektor perindustrian seperti kilang tekstil, pembalakan dan kayu-kayan dan sektor perkhidmatan seperti perhotelan. Satu lagi petanda baik pelaburan di Kemboja ialah kesediaan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk kembali berdialog atau bertapak di negara ini. Dengan adanya agensi kewangan terbesar dunia ini, ia tentu satu suntikan keyakinan atau semangat baru kepada kerajaan Kemboja sendiri. Saya yakin dalam sedikit masa lagi, jumlah pelaburan asing ke Kemboja, terutama di kalangan anggota Asean akan lebih rancak.

Benarkah dakwaan bahawa banyak syarikat Malaysia menarik semula pelaburan mereka daripada Kemboja kerana tidak tahan dengan kerenah birokrasi serta amalan rasuah?

Seperti yang saya sebutkan awal tadi, dalam proses mereka membangun dan di dalam apa-apa perniagaan yang kita lakukan, kadang kala daripada 10 syarikat Malaysia yang datang di sini, tidak semuanya berjaya. Jadi, purata masih terdapat banyak syarikat atau pelabur Malaysia yang berjaya

di Kemboja. Jumlah yang tidak berjaya sangat kecil. Mungkin juga selepas mereka datang ke sini keadaan masih tidak menentu, mungkin mereka mengambil keputusan untuk keluar. Jadi, untuk menyatakan bahawa pelaburan Malaysia di sini gagal, bagi saya kenyataan itu tidak begitu adil. Ada pelabur yang berjaya. Sebagai contoh, syarikat sederhana banyak yang berjaya. Syarikat besar yang datang ke sini dalam masa lima enam tahun masih tidak bergerak, mungkin mereka ada masalah tertentu. Tapi, rata-rata saya dapati walaupun ada syarikat yang menghadapi pelbagai rintangan, mereka masih terus bertapak. Memang tidak dinafikan bahawa ada syarikat Malaysia yang sudah 'bungkus' dan balik ke Malaysia. Ada juga syarikat baru yang masih mengambil pendekatan 'tunggu dan lihat'.

Mungkin mereka bimbang mengenai soal keselamatan?

Bagi saya, di sini (Kemboja) keadaannya adalah jauh lebih selamat daripada tempat yang saya pernah bertugas dulu. Seperti di Los Angeles dulu, keselamatan lebih terancam. Masalah di sana berlainan. Di sini (Kemboja) diperbesar-besarkan. Dikatakan keadaan di sini tidak terjamin.

Atau, benarkah kedatangan pelaburan atau syarikat Malaysia ke Kemboja selama ini disebabkan oleh tekanan di pihak kerajaan?

Tidak, bagi saya menggunakan perkataan tekanan mungkin tidaklah betul. Bukanlah tekanan sebenarnya, cuma kita memberi sepenuh galakkan kepada pelabur Malaysia datang ke sini. Jadi, apabila saya sampai ke sini, sekiranya pelabur Malaysia menghadapi masalah, mereka boleh berjumpa saya. Saya telahpun menekankan bahawa selagi saya dapat memainkan peranan untuk membantu mereka, saya akan bantu. Kalau ada syarikat yang gagal atau mereka tidak bersedia berbincang dengan saya, mungkin sukar untuk saya untuk mengetengahkan masalah itu. Mungkin ada pelabur yang tidak mahu kedutaan mengetahui atau campur tangan. Apabila saya sampai ke sini dan bertemu dengan Majlis Perniagaan Malaysia di Kemboja (MCC), saya meminta mereka kalau ada masalah, pintu pejabat saya sentiasa terbuka.

Adakah kegagalan pelabur Malaysia disebabkan kurang daya saing dengan syarikat lebih besar dan kukuh di Kemboja?

Tidak juga. Kalau kita lihat dari aspek daya saing, kita dapati kebanyakan mereka menyatakan pada masa ini daya saing amat berkurangan disebabkan gejala rasuah dan birokrasi. Kalau kita bertanya dengan syarikat yang ada sekarang, mungkin mereka hanya dapat bertahan kerana mereka percaya bahawa di satu masa nanti mereka dapat mengetengahkan masalah mereka kepada kerajaan di sini. Pada Disember lalu, Hun Sen sudah mengambil langkah yang baik dengan mengadakan dialog dengan sektor perniagaan. Beliau menyatakan bahawa setiap lima bulan beliau akan bertemu semula untuk mengetahui apakah kesan daripada dialog berkenaan. Bagi pelabur di sini, mereka mengharapkan kerajaan mendengar dan berbuat sesuatu yang konkrit untuk menyelesaikan masalah yang disuarakan.

Mengapa gejala tidak sihat seperti ini boleh berlaku?

Kita dapati rata-rata gaji yang diterima di sini terlalu rendah. Gejala rasuah dan birokrasi ini amatlah sukar dibendung atau dihapuskan selagi gaji kakitangan kerajaan di sini tidak diberi perhatian yang lebih. Kita dapati gaji yang diterima tidak sesuai dengan keadaan dan taraf hidup di sini. Jurangnya terlalu luas. Bagaimana seorang pekerja dapat hidup sekiranya gaji yang terima amat rendah dan beliau setiap hari berhadapan dengan pelabur atau ahli perniagaan dari luar negara yang rata-rata mereka anggap sebagai orang yang banyak wang. Hakikat ini sememangnya diakui kerajaan Kemboja kerana faktor ini menyekat minat pelabur luar. Masalah birokrasi agak ketara kerana kita dapati undang-undang atau tatacara di sini kadang kala tidak begitu jelas. Oleh itu terdapat tafsiran yang berbeza. Jadi, peluang ini dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan rezeki yang lebih.

Secara timbal-balik, bagaimana pula jumlah pelaburan Kemboja ke

Malaysia?

Kalau mengikut jumlah pelaburan keluar Kemboja ke Malaysia, saya dapat katakan ia masih kosong. Saya dapati pelabur Kemboja masih belum keluar. Mereka masih cenderung untuk mendapatkan pelaburan luar ke dalam negara mereka. Jika bidang perdagangan atau perniagaan import-eksport, sememangnya ada, tetapi jumlahnya lebih memihak kepada Malaysia.

Bagaimana bentuk hubungan lain seperti pengambilan pekerja Kemboja ke Malaysia yang dikatakan banyak serta murah?

Pengambilan pekerja Kemboja ke Malaysia sudahpun bermula. Dalam minggu ini, buat pertama kalinya syarikat Malaysia akan membawa masuk kira-kira 40 pekerja Kemboja. Tapi, saya difahamkan pengambilan kumpulan pertama ini akan bekerja di kilang yang sama iaitu tekstil. Ini satu pendekatan yang ingin saya bangkitkan kepada kerajaan kedua-dua negara. Bagi saya, sampai masanya, kalau ingin membantu mereka, sebaik-baiknya membawa mereka ini bekerja dalam sektor yang lebih berguna. Kalau kita dapati, sektor tekstil dan pertanian sememangnya sudah berkembang di sini. Mengapa tidak kita mengambil mereka bekerja ke kilang berteknologi tinggi supaya apabila mereka pulang nanti, mereka mampu mencurahkan kemahiran mereka itu.

Akhir sekali, apa nasihat Datuk kepada pelabur yang merancang untuk datang ke sini?

Saya hanya dapat memberi satu nasihat, iaitu di mana-manapun kita pergi (melabur) kita tidak boleh mengharap sesuatu (perubahan) itu berlaku dalam sekelip mata. Kita harus bersabar kerana di sini pun masih banyak masalah yang sama seperti masalah di negara membangun lain yang ekonominya mula meningkat maju. Di Kemboja di mana ekonominya banyak dikendalikan negara atau kerajaan dan sedang beralih kepada peranan swasta, jadi masalah yang timbul terpaksa kita (pelabur) hadapinya dengan tabah. Kita dapati bahawa Bank Pembangunan Asia (ADB) pernah membuat satu kajian meliputi negara seperti China, Korea Taiwan, Malaysia, India dan Indonesia menunjukkan proses untuk membangun ekonomi atau menukar perundangan yang berhubung kait dengan faktor untuk mendapatkan pelaburan luar mengambil masa terlalu lama, lebih 30 tahun. Sebagai contohnya, Malaysia untuk mengubah segala undang-undang yang bersesuaian atau pro-business juga mengambil masa. Tambahan pula di Kemboja, sistem perundangannya dipengaruhi sistem Perancis. Jadi, untuk mengubahnya semula untuk disesuaikan dengan negara Asean lain, ia mengambil masa dan masih banyak perlu digubal. Kita dapati pelabur di luar negara, terutama Malaysia dan Singapura, reaksi mereka terlalu menghampakan. Mereka terlalu mengharap apabila mereka sampai di sini, undang-undang di sini adalah business friendly (mesra perniagaan). Jadi, kepada pelabur atau ahli perniagaan yang datang atau bercadang untuk datang, nasihat saya, datang dan cubalah dahulu.

(END)